

Ambil iktibar *pelarian Rohingya*

Adnan gesa rakyat pelbagai kaum bersatu hati elak perpecahan

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Masyarakat pelbagai kaum di negeri ini perlu mengambil iktibar kejadian menimpa etnik Rohingya di Myanmar sehingga mereka ditindas dan menjadi pelarian.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, beliau tidak mahu perkara seperti itu berlaku di negara ini.

Beliau juga meminta rakyat membayangkan keadaan itu sekiranya tercetus pergaduhan kaum di Malaysia.

"Kita kena ambil contoh nasib pelarian Rohingya, tidak ada negeri dan dihalau. Cuba bayangkan kalau kita bergaduh sesama sendiri, ke mana kita hendak lari.

"Hendak lari ke Singapura, Singapura negara kecil, lari ke Indonesia atau Thailand, negara ramai

penduduk. Oleh sebab itu perlu ada persefahaman dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini dan perlu bersatu hati," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Sambutan Hari Malaysia Tahun 2017 Peringkat Negeri Pahang di Kompleks Sukan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang di sini, kelmarin.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Majlis Sambutan Hari Malaysia Peringkat negeri, Datuk Norol Azali Sulaiman dan barisan exco kerajaan negeri.

Pada majlis itu, kira-kira 3,500 orang yang terdiri daripada rakyat pelbagai kaum hadir memeriahkan acara.

Dalam pada itu, Adnan berkata, bagi memastikan

INFO • 3,500 orang terdiri rakyat pelbagai kaum hadir meriahkan acara

perpaduan rakyat pelbagai kaum dapat dicapai dan dikekalkan, wakil rakyat perlu memainkan peranan mereka.

Jelasnya, peranan wakil rakyat ini penting dalam memastikan keharmonian dan semangat bersatu hati dalam kalangan kepelembagaan kaum di negara ini.

"Saya lihat rakyat sekarang berbeza dengan dahulu. Dahulu kita boleh bercampur, bermain sekali tetapi sekarang sudah tidak ada lagi.

"Ini tugas wakil rakyat, Ahli Parlimen dan Adun untuk menyatupadukan rakyat.



Adnan bersama barisan pemimpin negeri meraikan sambutan Hari Malaysia bersama kepelembagaan kaum di negeri ini di Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang di sini, kelmarin.

Apabila bercakap jangan hendak mengapi-apikan sahaja, kita mesti ke arah bersatu padu," katanya.

Beliau bagaimanapun berharap rakyat pelbagai kaum di negara ini menyemarakkan perpaduan

supaya negara tercinta ini terus aman dan makmur untuk selamanya.

Sebelum itu, Norol Azali berkata, sambutan hari Malaysia diadakan bagi menghidupkan kesedaran kepada rakyat mengenai pe-

nubuhan Malaysia pada 16 September 1963.

Katanya, hampir 54 tahun penubuhan Malaysia, persefahaman antara kaum perlu terus dikekalkan bagi memastikan negara ini sentiasa aman, damai dan sejahtera.